
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2006/2007

Oktober/November 2006

HSM 210 - SEJARAH SOSIO-EKONOMI MALAYSIA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Jawab DUA soalan dari bahagian A dan DUA soalan dari bahagian B.

Bahagian A

1. Nilaikan peranan pemerintah dalam menentukan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka sebelum 1511.
2. “Unsur ekonomi merupakan faktor utama yang mendorong kepada perluasan kuasa British ke Negeri-Negeri Melayu Pantai Barat pada tahun 1870an.” Bahaskan.
3. “Modal dan keusahawanan Eropah merupakan salah satu penggerak kepada kejayaan perusahaan perlombongan bijih timah di Tanah Melayu.” Bincangkan.
4. “Peranan wanita tidak penting dalam perkembangan ekonomi pada zaman penjajahan.” Sejauh manakah anda bersetuju dengan pandangan tersebut.

Bahagian B

5. Bandingkan dasar kerajaan penjajah British di Negeri-Negeri Melayu Semenanjung dan regim Brooke di Sarawak terhadap penanaman getah pada zaman sebelum 1941.
6. Bincangkan penentu-penentu yang menyebabkan kelembapan kemajuan dalam perkembangan sistem pengangkutan darat di Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak pada zaman penjajahan.
7. “Sumbangan buruh imigran dari China dan India kepada kemajuan ekonomi Tanah Melayu pada zaman pra-Merdeka adalah besar.” Bahaskan.
8. “Sikap acuh tidak acuh masyarakat kaum pribumi terhadap pendidikan mengakibatkan kadar buta huruf yang tinggi di kalangan mereka.” Dengan merujuk kepada Negeri-Negeri Melayu di Tanah Melayu ATAU Sarawak dan Borneo Utara (Sabah) pada zaman penjajahan, sejauh manakah anda bersetuju dengan pandangan tersebut.